



Kementerian Wilayah Persekutuan

TEKS UCAPAN

YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR

MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

KENDURI 1 WILAYAH PERSEKUTUAN

TITIWANGSA – 27 FEBRUARI 2016

BULAN FEBRUARI 2016

WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dan Salam Sejahtera

1. Marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya kita dapat bersama-sama pada hari ni dalam Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2016.
2. Kita semua amat bertuah kerana Negara Malaysia sentiasa dan masih lagi dalam keadaan aman. Kita boleh mengadakan majlis sebegini dengan selesa, beribadah dan beriadah dengan tenang tanpa sebarang ketakutan. Kuncinya adalah perpaduan, saling menghormati dan kerjasama antara satu sama lain.
3. Lantaran itu, soal perpaduan dan saling menghormati ini perlu sentiasa diterap dan disemai; dan kita patut bersyukur kerana kerajaan yang mentadbir negara ini mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan kepentingan rakyat serta kesejahteraan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Perayaan Hari Wilayah Persekutuan disambut pada tarikh 1 Februari setiap tahun, bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan ini merupakan gabungan ketiga-tiga wilayah berkenaan sejak wujudnya

Kementerian Wilayah Persekutuan pada 27 Mac 2004. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-12.

5. Tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera”. Pemilihan tema ini adalah bertepatan dan menjadi aspirasi KWP ingin menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep *sense of belonging* yang ingin diterapkan kepada warga Wilayah Persekutuan.
6. Pemilihan tema “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” turut merangkumi Kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan dalam segala aspek dan menjadi keutamaan untuk memastikan semangat perpaduan yang teguh di kalangan rakyat khususnya di kalangan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Seterusnya akan dapat mewujudkan semangat "Kekitaan", "Kebersamaan", dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan yang dicintai ini.
7. Pemilihan tema “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” turut merangkumi elemen *sense of belonging* yang perlu dibudayakan di kalangan warga Wilayah Persekutuan khususnya dalam aspek keharmonian, perpaduan dan kerjasama bagi menyokong serta merealisasikan Wilayah Persekutuan berkembang maju.

8. Harapan saya dengan slogan ini, ia mampu merangsang seluruh warga Wilayah agar seiringan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memajukan serta memakmurkan bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta ini sebagai sebuah bandar raya metropolis yang lestari, hiasan terindah dan selesa untuk dihuni sepanjang masa.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Pelaksanaan program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2016 adalah berbeza dari tahun ke tahun mengikut iklim ekonomi semasa dalam menyahut seruan YAB Perdana Menteri iaitu mengoptimumkan perbelanjaan tidak bermaksud sebagai langkah 'austerity' (jimat cermat) pemotongan sahaja, tetapi kita melihat bagaimana setiap ringgit yang akan dibelanjakan boleh mendatangkan hasil dan kesan yang paling besar disamping melaksanakan inisiatif penjimatan negara.
10. Pihak KWP dan Agensi hanya menganjurkan program SHWP 2016 yang memberikan impak yang tinggi dan program yang melibatkan penyertaan rakyat secara terus seperti program Kibar Bendera Wilayah Persekutuan, program tanggungjawab sosial masyarakat (CSR), Kenduri 1 Wilayah Persekutuan, Majlis Tahlil dan Doa Selamat, Pertandingan Melukis dan Mewarna WP, *Car Free Morning*, Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan, Festival Makanan Antarabangsa, Majlis Khatam Al Quran Sempena Sambutan Hari

Wilayah Persekutuan 2016 dan sebagainya. Adalah diharapkan melalui penganjuran program SHWP 2016 kali ini akan memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada warga Wilayah Persekutuan untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan bersempena SHWP 2016 ini diharap dapat merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan agar dapat seiringan dengan Kerajaan dan bersama-sama memajukan, memakmurkan dan meraih kasih Wilayah Persekutuan yang tercinta.

11. Walaupun peruntukan kewangan dikurangkan pada tahun 2016 ini, semua program yang diaturkan bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan akan tetap meriah tetapi dalam skala yang sederhana. Adalah diharapkan juga agar semua warga Wilayah Persekutuan memberikan komitmen dan penyertaan sepenuhnya dan tidak melepaskan peluang yang diberikan oleh kerajaan dalam merealisasikan simbolik 1Malaysia dan 1Wilayah bagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 ini.
12. Ini juga akan dapat menggalakkan serta membangkitkan semangat perpaduan yang jitu di kalangan rakyat khususnya di kalangan warga Wilayah Persekutuan dimana nurani dan minda kita disatukan dan saling menghulurkan tangan seterusnya akan dapat mewujudkan semangat "Kebersamaan" yang teguh dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan yang kita cintai ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Tahun 2015 telah menyaksikan banyak projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) yang telah dilancarkan di Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur. Sebanyak 8 projek telah dilancarkan sepanjang tahun ini melibatkan jumlah unit keseluruhan sebanyak 6,871 unit.
14. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan juga bagi lebih mengharmonikan dan mensejahterakan rakyat di Parlimen Titiwangsa dan membuktikan kesungguhan kerajaan dalam menyediakan kediaman kepada golongan pertengahan di Wilayah Persekutuan, projek RUMAWIP iaitu Residensi Pandanmas 1 dan 2 dibangunkan khas untuk penduduk setempat. Projek ini bertempat di Kg. Pandan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan dilaksanakan dalam dua fasa pembangunan yang melibatkan dua lot tanah dengan jumlah keseluruhan perumahan yang akan dibangunkan sebanyak 2,620 unit.
15. Fasa pertama iaitu Residensi Pandanmas 1 menawarkan pembangunan sebanyak 700 unit rumah mampu milik berkeluasan 900 kaki persegi pada harga tawaran RM300,000 seunit. Manakala fasa kedua iaitu Residensi Pandanmas 2 menawarkan 1,920 unit juga berkeluasan 900 kaki persegi dengan harga tawaran

RM300,000 seunit juga. Kesemua unit bagi Residensi Pandanmas 1 telah habis terjual manakala permohonan masih lagi dibuka kepada orang awam bagi Residensi Pandanmas 2 yang dijangka siap pada 2018.

16. Salah satu program utama di bawah inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensinya adalah Kad Ceria Wilayah Persekutuan. Sebanyak lebih kurang 18,000 jumlah Kad Ceria Wilayah Persekutuan telah ditawarkan kepada penduduk Wilayah Persekutuan, tidak kira sama ada di Kuala Lumpur, Putrajaya mahupun Labuan yang berminat dan mereka akan mendapat faedah yang disediakan sama ada secara langsung oleh Kementerian atau rakan dagang yang terlibat iaitu Pasar Raya MYDIN, Berjaya Card (BCARD) yang mempunyai lebih 70 rakan niaga dan lebih 2000 outlet di Wilayah Persekutuan.
17. Untuk pengetahuan Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian, Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016, saya difahamkan pelbagai usaha CSR disediakan oleh kementerian dan agensi-agensinya.
18. Antaranya ialah usaha Yayasan Wilayah Persekutuan yang memperuntukkan sejumlah RM15juta setahun untuk program-program CSR dalam meningkatkan taraf Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi warga di 3 wilayah.

19. Untuk makluman semua, antara usaha memartabatkan pendidikan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan termasuklah pemberian anugerah kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan utama seperti UPSR, PT3, SPM dan STPM; pemberian bantuan dan biasiswa kepada pelajar-pelajar IPT, pelajar-pelajar sekolah menengah dan yang paling popular, ialah pemberian bantuan persekolahan di hujung tahun untuk pelajar sekolah rendah hingga menengah.

20. Untuk mensejahterakan penduduk di sekitar Parlimen Titiwangsa ini khususnya, beberapa pembangunan telah dilaksanakan antaranya pada tahun 2016 ini, pihak DBKL telah meluluskan peruntukan RM 1 juta untuk pembinaan sebuah surau bagi kegunaan masyarakat Islam yang tinggal di PPR Hiliran Ampang dan kawasan berhampiran. Status terkini adalah dalam proses kelulusan pelan bangunan. DBKL juga telah mengenal pasti tapak bagi membina tempat letak kereta bertingkat yang turut merangkumi dewan serba guna, gelanggang futsal dan medan selera di PPR Hiliran Ampang Blok B dan C. Projek itu masih dalam peringkat penyediaan pelan cadangan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

21. Untuk makluman semua, Kenduri 1Wilayah Persekutuan telah dimasukkan di dalam kalendar acara tahunan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim antara warga Wilayah Persekutuan selain dapat

bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong royong. Malah program seperti hari ini juga merupakan sebahagian daripada aktiviti yang bermanfaat yang boleh mengukuhkan hubungan akrab sesama kita, apatah lagi dikalangan komuniti di kawasan ini.

22. Pada tahun ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi di bawahnya akan mengadakan 13 Kenduri di setiap lokasi Parlimen iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, berbanding dengan hanya 3 lokasi pada tahun 2015. Pendekatan seumpama ini diharapkan akan dapat merapatkan kerajaan dengan rakyat dan membolehkan kementerian ini dan agensi-agensi di bawahnya mendekati rakyat serta mendengar sendiri sebarang permasalahan dan menangani isu-isu berkenaan Wilayah Persekutuan.
23. Selain itu, penganjuran Kenduri 1 Wilayah Persekutuan 2016 ini akan memberikan peluang kepada semua warga Wilayah Persekutuan untuk merasai kemeriahan suasana kenduri sambil menjamu selera dengan menu yang dimasak sendiri secara bergotong royong di kalangan ahli jawatankuasa perumahan serta komuniti yang terlibat. Aktiviti kenduri yang diadakan ini akan dapat memeriahkan dan menceriakan lagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan serta warganya berpeluang menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan di samping mengeratkan siraturrahim bersama komuniti setempat dihujung minggu bersama keluarga tercinta.

24. Bersempena dengan program Kenduri 1Wilayah Persekutuan di Parlimen Titiwangsa juga, turut berlangsung “Gotong Royong Kebersihan Dan Cegah Denggi”. Selain itu ia turut diserikan dengan pelbagai aktiviti termasuk senamrobik, Zumba, pertandingan memancing, pertandingan memasak dan gubahan.
25. Bagi menceriakan lagi Kenduri 1Wilayah di Setiawangsa ini turut diadakan pertandingan mewarna dan melukis, pertandingan membuat kolum dari kaum India, pertandingan kaligrafi dari kaum Cina, pertandingan sukaneka dan Tarik tali dan macam-macam lagi selain cabutan nombor bertuah dengan hadiah hebat menanti semua.
26. Program pada hari ini adalah salah satu daripada pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) dalam mengabungkan program-program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutama diperingkat kementerian dengan program-program yang dilaksanakan oleh Agensi kerajaan, NGO dan badan-badan korporat. Melalui pendekatan seumpama ini, penganjuran program dapat dilaksanakan dengan lebih mantap, menjimatkan kos dan masa. Perkara ini dapat dilihat secara jelas melalui penganjuran program pada hari ini di mana kos penganjuran dibiayai oleh kementerian Wilayah, DBKL dan agensi-agensi kerajaan.
27. [Kementerian Wilayah Persekutuan ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada *strategic partners*, SHARP atas kerjasama dalam program Kenduri 1Wilayah Persekutuan serta Sesi Gotong-](#)

royong Kebersihan dan Anti Denggi Peringkat Parlimen Titiwangsa. Semoga kerjasama strategik dan hubungan erat yang terjalin antara pihak Kementerian, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pihak SHARP akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

28. Adalah diharapkan melalui penganjuran program-program sempena Hari Wilayah Persekutuan pada kali ini akan memberikan impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada semua warga Wilayah Persekutuan untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

29. Akhir kata, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Kenduri 1Wilayah Persekutuan dan semua pemimpin masyarakat setempat yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang amat baik sekali dalam penganjuran program pada hari ini. Semoga segala usaha murni kita ini akan diberkati oleh Allah swt.
30. Harapan saya agar tema “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” pada tahun ini dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

31. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik
Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.
Sekian, terima kasih.